

# PM: Kita mampu berjaya

Um - 25/5/2007

Daripada AZNAN BAKAR

**TOKYO** 24 Mei - Malaysia mampu muncul sebagai sebuah negara Islam yang berjaya sama ada dari segi ekonomi mahupun hubungan antarabangsa kerana berpegang kepada prinsip agama itu yang sebenar, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, walaupun rakyatnya berbilang kaum dan agama, namun apa yang dilaksanakan adalah selari dengan Islam yang mementingkan keadilan dan kesederhanaan selain tumpuan kepada pembangunan modal insan.

"Hubungan dengan komuniti antarabangsa yang lebih besar juga berasaskan nilai dan prinsip Islam termasuk keamanan. Saya percaya nilai dan prinsip ini selari dengan amalan antarabangsa," katanya ketika berucap pada Persidangan Antarabangsa Nikkei mengenai Masa Depan Asia, di sini hari ini.

Katanya, nilai dan prinsip Islam tersebut termasuk keamanan, kesederhanaan, permuafakatan, keadilan, menghormati undang-undang dan membantu yang lemah dan yang miskin.

Katanya, di sebalik apa yang dilakukan itu, Malaysia berharap dapat menjadi contoh yang baik dan dapat memberi sumbangan membina kepada dunia Islam dan kepada masyarakat antarabangsa.

Sebagai pemimpin sebuah negara dan sebagai pengerusi semasa Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Abdullah berkata, hasratnya adalah untuk mengembalikan asas agenda umat Islam iaitu untuk memajukan ummah.

Sebab itu katanya, OIC perlu lebih memberi penekanan kepada pembangunan dan



**ABDULLAH Ahmad Badawi bercakap dengan para wartawan selepas menyampaikan ucapan pada Persidangan Antarabangsa Nikkei Mengenai Masa Depan Asia di Tokyo, semalam.**

ekonomi daripada agenda politiknya.

Katanya, umat Islam perlu mengelak isu-isu perpecahan yang menyebabkan sebahagian besar daripada mereka tidak dapat menikmati keamanan dan kemakmuran.

Menurut Perdana Menteri, untuk itu Malaysia berusaha mengetengahkan Islam sebagai agama yang progresif termasuk dengan memainkan peranan utama dalam

memperkenalkan inovasi dalam bidang kewangan Islam.

Katanya, ia dilakukan melalui penawaran instrumen kewangan berdasarkan undang-undang syariah yang membolehkan pelabur, termasuk bukan Islam, membuat pilihan produk yang konsisten dengan amalan terbaik dan beretika.

Beliau berkata, begitu juga dalam mem-

bangunkan produk dan perkhidmatan halal, Malaysia sedang menetapkan piawai yang memenuhi kehendak Islam serta yang diinginkan oleh orang bukan Islam untuk tujuan kesihatan dan lain-lain.

"Ini adalah satu lagi bukti mengenai keserasian ajaran Islam dengan kehidupan moden," katanya.